

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JULAI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Rasionalisasi subsidi RON95 mungkin dibuat secara berperingkat

Rasionalisasi subsidi RON95 mungkin dibuat secara berperingkat

Butiran lanjut dijangka akan dibentang dalam Belanjawan 2025 Oktober ini

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Rasionalisasi subsidi RON95 dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat dan terukur untuk mengehadkan kejutan yang mungkin berlaku akibat kenaikan harga bahan api itu, demikian menurut penganalisis.

Ketua Penganalisis TA Securities, Kaladher Govindan, berkata kerajaan mungkin mengambil masa menilai impak pelarasan harga diesel dan kesediaan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) bagi menentukan kelayakan bantuan tunai sebelum melaksanakan rasionalisasi subsidi RON95.

Beliau berkata, pelaksanaan rasionalisasi RON95 lebih rumit

berbanding diesel ketika ini kerana memberi impak kepada sebahagian besar kenderaan berdaftar iaitu sekitar 36 juta serta menyumbang RM66.7 billion dalam jumlah runcit bahan api automotif pada 2023.

Justeru, katanya ia tidak boleh dilaksanakan tergesa-gesa sehingga sistem yang betul disediakan dan kerajaan mungkin melaksanakannya paling awal pada suku keempat tahun ini sebelum disemak secara berperingkat sehingga 2025.

"Kami khawatir kenaikan harga RON95 memberi kesan ketara kepada inflasi. Ia membawa wajaran lebih tinggi berbanding diesel, 5.5 peratus daripada keseluruhan Indeks Harga Pengguna (IHP).

"Dijangka impak lebih luar daripada pemotongan subsidi RON95 terhadap inflasi. Sumbangan langsung kenaikan 10 peratus dalam harga runcit RON95 kepada inflasi utama dianggarkan 0.5 peratus berbanding hanya 0.02 peratus bagi pelaksanaan diesel.

"Dijangkakan butiran lanjut subsidi bahan api dalam Belanjawan 2025

akan datang yang dijadualkan Oktober 2024.

"Pada masa itu, kerajaan mungkin mempunyai beberapa bulan data inflasi (Jun hingga September 2024) untuk menilai kesan mekanisme diesel," katanya menerusi laporan separuh tahun pasaran TA Securities.

Penjimatatan besar negara
Kaladher berkata, dari sudut ketidakhadiran subsidi secara pukal mungkin meningkatkan harga minyak RON95 sebanyak RM1.25 daripada RM2.05 seliter ketika ini

kepada RM3.30 seliter.

Namun, dari sudut lain, beliau berkata pelaksanaan rasionalisasi subsidi RON95 memberikan penjimatatan lebih besar kepada perbelanjaan kerajaan, sebagaimana diperolehnya penyatuan dan pembaruan fiskal negara.

Katanya, dengan menggunakan andaian 20 billion liter penggunaan bahan api tahun ini, dianggarkan setiap 10 sen kenaikan harga bahan api memberikan penjimatatan sekitar RM2 billion dalam subsidi bahan api setahun.

Seperi dinyatakan dalam juran inflasi, TA Securities menetapkan harga pelarasan RON95 tahun ini 40 sen, melonjak kepada RM2.45 seliter.

"Namun, penjimatatan pun berasaskan bahan api RM8 billion hanya dilihat tahun depan yang sudah tentu bergantung kepada kuantum dan masa pelarasan. Lebih banyak dapat dijimatkan jika rasionalisasi subsidi bahan api RON95 berlaku tahun ini.

"Penjimatatan ini boleh disalurkan semula untuk mengurangkan hutang kerajaan, menaik taraf infrastruktur atau agenda penting lain seperti membaik baik sistem penjagaan kesihatan, pendidikan serta meningkatkan perbelanjaan pembangunan.

"Bagaimanapun, kami tidak menolak potensi peningkatan dalam bantuan sosial selring penyasar semula subsidi."

"Program bantuan Budi MADANI telah diperkenalkan selain program bantuan sedia ada seperti Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dengan peruntukan RM52.8 billion bagi subsidi dan bantuan sosial di bawah Belanjawan 2024," katanya.



Kerajaan mungkin mengambil masa menilai impak pelarasan harga diesel dan kesediaan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) bagi menentukan kelayakan bantuan tunai sebelum melaksanakan rasionalisasi subsidi RON95



**Kaladher Govindan,
Ketua Penganalisis TA Securities**